

PERATURAN AKADEMIK SISWAZAH MOD PENYEUDIKAN

***GRADUATE ACADEMIC RULES
RESEARCH MODE***



UNISZA

PERATURAN AKADEMIK SISWAZAH MOD PENYELIDIKAN

Kelulusan Mesyuarat Senat Kali Ke-188 Bil.3/2023 bertarikh 6 Mac 2023

Kelulusan Mesyuarat Senat Kali Ke-190 Bil.5/2023 bertarikh 30 April 2023 (Pindaan)

KANDUNGAN

FALSAFAH, VISI, MISI, BIDANG TUJAHAN, NILAI TERAS & MOTTO UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN	i
SINGKATAN	ii
1.0 PENGENALAN	1
2.0 SYARAT KEMASUKAN UMUM	1
3.0 KEMASUKAN TERUS KE PROGRAM DOKTOR FALSAFAH BAGI CALON YANG MEMILIKI KELAYAKAN AKADEMIK PERINGKAT SARJANA MUDA	3
4.0 TEMPOH PENGAJIAN	4
5.0 KEPERLUAN KEBERADAAN AKADEMIK	4
6.0 PENAWARAN KEMASUKAN	4
7.0 PENDAFTARAN	5
8.0 KURSUS METODOLOGI PENYELIDIKAN	6
9.0 PERTUKARAN PERINGKAT PENGAJIAN DARI SARJANA KE DOKTOR FALSAFAH	6
10.0 PELANTIKAN/PENGGUGURAN PENYELIA BERSAMA	7
11.0 PERMOHONAN PERTUKARAN FAKULTI/INSTITUT, MOD PENGAJIAN, BIDANG PENGAJIAN/NEC, KAEDAH PENGENDALIAN, PENYELIA UTAMA DAN PENYELIA BERSAMA	7
12.0 PENANGGUHAN/PENARIKAN DIRI DARI PENGAJIAN	9
13.0 PELANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN	10
14.0 LAPORAN KEMAJUAN PENYELIDIKAN	10
15.0 NOTIS PENYERAHAN TESIS	11
16.0 PENYERAHAN TESIS UNTUK PEMERIKSAAN	12
17.0 PEMERIKSAAN TESIS	12
18.0 PENANGGUHAN PEPERIKSAAN LISAN	13
19.0 RAYUAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN LISAN	13
20.0 PEPERIKSAAN LISAN ULANGAN	14
21.0 PENYERAHAN TESIS AKHIR	14
22.0 PENGIJAZAHAN	14
23.0 <i>GRADUATE ON TIME</i>	15
24.0 PENAMATAN PENGAJIAN	15
25.0 RAYUAN MENERUSKAN PENGAJIAN	16
26.0 PUNCA KUASA	16

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

FALSAFAH

Integrasi Kecemerlangan Islam dan Kontemporari demi Manfaat Ummah

VISI

Menjadi Peneraju kepada Universiti Islam Integrasi Kontemporari

MISI

Membentuk insan holistik menerusi pendidikan cemerlang dan penyelidikan berimpak tinggi berdasarkan pengalaman pintar untuk melestarikan masyarakat

BIDANG TUJAHAN

Peradaban Islam
Sains Kesihatan
Pertanian Lestari

NILAI TERAS

Ilmu
Iman
Amal
Akhlik

MOTTO

Ilmu Demi Faedah Insan

SINGKATAN

MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
PPS	Pusat Pengajian Siswazah
JAPSU	Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti
PNGK	Purata Nilaian Gred Kumulatif
NEC	Kod Pendidikan Kebangsaan
ISI	<i>International Scientific Indexing</i>
LKP	Laporan Kemajuan Penyelidikan
NoS	Notis Penyerahan Tesis
GoT	<i>Graduate on Time</i>

1.0 PENGENALAN

Pusat Pengajian Siswazah (PPS) telah ditubuhkan pada 1 Julai 2007 untuk memastikan pengurusan pengajian siswazah dapat dilakukan dengan lancar dan teratur. Sejajar dengan itu, PPS dipertanggungjawabkan bagi menyelaras program pengajian siswazah yang dikendalikan di peringkat fakulti/institut, seterusnya memastikan perkembangan dan peningkatan program pengajian siswazah di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Fungsi tersebut adalah selaras dengan matlamat UniSZA untuk melahirkan sarjana dalam pelbagai bidang keilmuan.

Peraturan ini diguna pakai sebagai rujukan bagi semua pelajar yang mendaftar dalam program pengajian siswazah mod penyelidikan. Ia juga menjadi garis panduan bagi fakulti/institut merancang dan melaksanakan program pengajian siswazah.

2.0 SYARAT KEMASUKAN UMUM

2.1 Calon pelajar yang ingin mengikuti program siswazah mesti mempunyai kelayakan berikut:

2.1.1 Syarat kemasukan umum ke program sarjana mod penyelidikan adalah seperti berikut:

- (i) Ijazah sarjana muda dalam bidang atau bidang berkaitan dengan **minimum PNGK 2.75/4.00 ATAU** setara yang diiktiraf oleh Senat; atau
- (ii) Ijazah sarjana muda dalam bidang atau bidang berkaitan atau setara dengan **minimum PNGK 2.50/4.00 DAN tidak mencapai PNGK 2.75/4.00** boleh diterima tertakluk kepada penilaian dalaman yang ketat; atau
- (iii) Ijazah sarjana muda dalam bidang atau bidang berkaitan atau setara dengan **minimum PNGK 2.00/4.00 DAN tidak mencapai PNGK 2.50/4.00** boleh diterima tertakluk kepada **minimum LIMA (5)** tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan dan penilaian dalaman yang ketat; atau
- (iv) Calon yang tidak memiliki kelayakan atau pengalaman kerja dalam bidang berkaitan mesti mengikuti kursus pra syarat yang ditetapkan oleh UniSZA dan memenuhi minimum PNGK seperti **Perkara (i) hingga (iii)**; atau
- (v) Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat.

2.1.2 Syarat kemasukan umum ke program doktor falsafah mod penyelidikan adalah seperti berikut:

- (i) Ijazah sarjana dalam bidang atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Senat; atau
- (ii) Kelayakan lain yang setara dengan ijazah sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

- (iii) Calon yang tidak memiliki kelayakan atau pengalaman kerja dalam bidang atau bidang berkaitan mesti mengikuti kursus prasyarat yang ditetapkan oleh UniSZA.
- 2.2 Syarat kemasukan umum ini perlu dibaca bersama syarat kemasukan yang ditetapkan oleh program standard yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) **DAN** syarat kemasukan khas yang ditetapkan fakulti/institut mengikut bidang pengajian.
- 2.3 Pelajar antarabangsa yang ingin mengikuti pengajian peringkat siswazah perlu mematuhi syarat kompetensi bahasa Inggeris. Jadual skor kesetaraan kompetensi bahasa Inggeris seperti berikut:

English Competency Test	Name of Component	CEFR Low B1	CEFR Mid B1	CEFR High B1	CEFR Low B2	CEFR Mid B2	CEFR High B2
MUET	MUET	B3.0		B3.5		B4.0	B4.5
IELTS	IELTS	4.0	4.5	5.0	5.5	6.0	6.5
TOEFL	TOEFL iBT	30 - 31	33	40	46	60	79
	TOEFL Essentials (Online)	5	6.5	7.5	8	8.5	9.5
PEARSON TEST OF ENGLISH	PTE Academic/ PTE Academic (Online)	36	43	47	51	59	63
CAMBRIDGE ENGLISH QUALIFICATIONS AND TESTS	(i) B1 Preliminary, B2 First, C1 Advanced, C2 Proficiency	140	147	154	160	169	176
	(ii) Linguaskill Online						
	(iii) Occupational English Test (OET) (Conventional/Online)	-	-	-	200	250	300
ELS	Certified Intensive English Programme Level (CIEP Level)		106		107	108	109

*Rujuk surat: JPT.(A) 1000/016/018/07/Jd.17(12) bertarikh 6 Mac 2023

- 2.4 Pengecualian syarat kompetensi bahasa Inggeris kepada pelajar antarabangsa adalah seperti berikut:
- 2.4.1 Pelajar antarabangsa yang berasal dari negara yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi; **ATAU**
- 2.4.2 Pelajar antarabangsa yang pernah memperoleh ijazah dari institusi pengajian tinggi di Malaysia; **ATAU**
- 2.4.3 Pelajar antarabangsa yang bakal menulis tesis dalam bahasa Melayu atau bahasa Arab.
- 2.5 Negara atau wilayah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi adalah Afrika Selatan, Amerika Syarikat, Anguila, Antigua & Barbuda, Australia, Bahamas, Barbados, Belize, Bermuda, Botswana, Cameroon, Dominika, Eswatini, Fiji, Filipina, Gambia, Ghana, Gibraltar, Grenada, Guam, Guernsey, Guyana, Hong Kong, India, Isle of Man, Jamaica, Jersey, Jordan, Kanada, Kenya, Kepulauan Cayman, Kepulauan Cook, Kepulauan Falkland, Kepulauan Mariana Utara, Kepulauan Marshall, Kepulauan Pitcairn, Kepulauan Solomon, Kepulauan Turks & Caicos, Kepulauan Virgin British, Kiribati, Lesotho, Liberia, Malawi, Malta, Mauritius, Montserrat, Namibia, Nauru, New Zealand, Nigeria, Niue, Pakistan, Palau, Papua New Guinea, Persekutuan Mikronesia, Puerto Rico, Pulau Krismas, Pulau Norfolk, Republik Ireland, Rwanda, Saint Helena, Saint Kitts & Nevis, Saint Lucia, Saint Vincent & Kepulauan Grenadine, Samoa, Samoa Amerika, Seychelles, Sierra Leone, Singapura, Sint Maarten, Sudan, Tanzania, Tokelau, Tonga, Trinidad & Tobago, Tuvalu, Uganda, United Kingdom, United States Virgin Islands,

Vanuatu, Zambia, Zimbabwe.

- 2.6 Kesetaraan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) adalah seperti berikut:

PNGK 4.0	PNGK 5.0	Purata Markah	Kelas	Kelas dalam Bahasa Arab
3.67 dan ke atas	4.58 dan ke atas	85 - 100	Pertama	Mumtaz
3.00 – 3.66	3.75 – 4.57	76 – 84	Dua Atas	Jayyid Jiddan
2.75 – 2.99	3.43 – 3.74	69 – 75	Dua Bawah	Jayyid
2.50 – 2.74	3.12 – 3.42	68	Dua Bawah	Jayyid
2.00 – 2.49	2.50 – 3.11	60 - 67	Lulus	Maqbul

3.0 KEMASUKAN TERUS KE PROGRAM DOKTOR FALSAFAH BAGI CALON YANG MEMILIKI KELAYAKAN AKADEMIK PERINGKAT SARJANA MUDA

- 3.1 Calon yang memiliki sarjana muda boleh membuat permohonan kemasukan terus ke program doktor falsafah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- 3.1.1 Memiliki sarjana muda dalam bidang atau bidang berkaitan dengan kelulusan kelas pertama (**PNGK 3.67/4.00 dan ke atas**) atau kelayakan setara dengan program akademik atau *Technical and Vocational Education and Training (TVET)*;
- 3.1.2 Melalui proses saringan dalaman yang ketat; dan
- 3.1.3 Memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh UniSZA
- 3.2 Calon yang layak akan diberikan tawaran kemasukan bersyarat bagi mengikuti pengajian peringkat doktor falsafah secara sepenuh masa.
- 3.3 Pelajar juga perlu memenuhi syarat kemasukan dalam tempoh masa **SATU (1) tahun** setelah mendaftar pengajian. Syarat yang perlu dipenuhi adalah seperti berikut:
- 3.3.1 Membentangkan kertas cadangan penyelidikan kepada Jawatankuasa Penilaian di fakulti/ institut.
- 3.3.2 Mempunyai **minimum SATU (1)** artikel yang diterbitkan dalam jurnal berindeks ISI/Scopus.
- 3.3.3 Menunjukkan kompetensi dalam menjalankan penyelidikan di peringkat doktor falsafah yang diperakukan oleh Penyelia Utama dan Jawatankuasa Penilaian di peringkat fakulti/institut.
- 3.3.4 Memperoleh markah **minimum 80%** berdasarkan penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian di peringkat fakulti/institut untuk diperakukan oleh Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti (JAPSU) dan diluluskan oleh Senat.
- 3.4 Jawatankuasa Penilaian peringkat fakulti/institut hendaklah dianggotai **sekurang-kurangnya TIGA (3)** orang ahli iaitu:
- 3.4.1 Dekan fakulti/Pengarah Institut/wakil yang setara sebagai Pengerusi;
- 3.4.2 **DUA (2)** orang pakar bidang penyelidikan berkaitan dalam kalangan

staf UniSZA atau dari institusi lain.

- 3.5 Pelajar yang tidak memenuhi syarat di **Perkara 3.3** akan **DITUKARKAN** pengajian ke peringkat sarjana.

4.0 TEMPOH PENGAJIAN

- 4.1 Tempoh pengajian yang melayakkan pelajar untuk pengijazahan adalah seperti berikut:

Peringkat Pengajian	Sepenuh Masa		Separuh Masa	
	Lazim	Maksimum	Lazim	Maksimum
Sarjana	4 semester (2 tahun)	8 semester (4 tahun)	6 semester (3 tahun)	10 semester (5 tahun)
Doktor Falsafah	6 semester (3 tahun)	12 semester (6 tahun)	8 semester (4 tahun)	14 semester (7 tahun)

- 4.2 Senat boleh memberikan pengecualian kepada pelajar cemerlang yang berjaya menamatkan pengajian lebih awal dari tempoh lazim.

5.0 KEPERLUAN KEBERADAAN AKADEMIK

- 5.1 Tempoh keberadaan akademik pelajar antarabangsa di UniSZA adalah sekurang-kurangnya **SATU (1)** semester sepanjang tempoh pengajian. *Merujuk surat MQA.100-1/7/2 Jld.3 (16) bertarikh 3 September 2020.
- 5.2 Keperluan keberadaan akademik merujuk kepada keberadaaan pelajar secara fizikal dan bukan fizikal di UniSZA. *Merujuk surat MQA.100-1/7/2 Jld.3 (21) bertarikh 21 Januari 2021.

6.0 PENAWARAN KEMASUKAN

- 6.1 Surat tawaran akan dikeluarkan oleh PPS kepada semua calon yang berjaya. Surat tawaran hanya sah selama **12 bulan** dari tarikh ia dikeluarkan.
- 6.2 Calon dikehendaki mematuhi semua syarat yang dinyatakan dalam surat tawaran.
- 6.3 Tawaran akan **TERBATAL** sekiranya calon gagal mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan.
- 6.4 Calon yang telah terbatal surat tawaran perlu membuat permohonan kemasukan semula.
- 6.5 Surat tawaran akan dikeluarkan seperti berikut:
- 6.5.1 Tawaran penuh bagi calon pelajar yang memenuhi semua syarat kemasukan.

- 6.5.2 Tawaran bersyarat bagi calon pelajar seperti berikut:
- i) Kemasukan terus ke program doktor falsafah bagi calon pelajar yang memiliki kelayakan akademik peringkat sarjana muda
 - ii) Tidak memenuhi syarat kelayakan bahasa Inggeris
- 6.6 Calon pelajar yang mendapat tawaran bersyarat bagi Perkara 6.5.2 (ii) perlu mematuhi syarat berikut:
- 6.6.1 Mengikuti kursus persediaan bahasa Inggeris yang dianjurkan oleh Pusat Antarabangsa dengan had tempoh masa selama dua (2) tahun maksimum; **DAN**
 - 6.6.2 Menduduki peperiksaan MUET atau mana-mana peperiksaan lain yang telah dijajarkan kepada *The Common European Framework of Reference (CEFR)* bagi memenuhi syarat kompetensi bahasa Inggeris.

7.0 PENDAFTARAN

- 7.1 Pelajar yang telah mendapat kelulusan tajaan pengajian boleh melakukan pendaftaran semester pengajian dengan menyertakan salinan surat kelulusan tajaan tersebut.
- 7.2 Pendaftaran semester pertama bagi pelajar baharu adalah seperti berikut:
 - 7.2.1 Calon pelajar perlu membayar yuran pendaftaran dan pengajian bagi membolehkan pendaftaran semester dilakukan.
 - 7.2.2 Calon pelajar perlu mendaftar dan memenuhi syarat yang dinyatakan dalam surat tawaran.
- 7.3 Pendaftaran semester berikutnya adalah seperti berikut:
 - 7.3.1 Pelajar perlu mengisi Laporan Kemajuan Pelajar dalam semester sebelumnya dan membayar yuran pengajian bagi membolehkan pendaftaran semester dilakukan.
 - 7.3.2 Pelajar yang tidak mendaftar semester sebelumnya **TIDAK DIBENARKAN** untuk mendaftar bagi semester semasa.
 - 7.3.3 Pelajar perlu membuat pendaftaran semester semasa secara dalam talian mengikut tarikh yang ditetapkan seperti dinyatakan dalam notis pendaftaran yang dihebahkan melalui Portal Pelajar.
- 7.4 Pelajar yang gagal mendaftar semester sebanyak **DUA (2)** kali berturut-turut akan ditamatkan pengajian serta-merta.
- 7.5 Pendaftaran semester bagi pelajar yang telah menyerahkan tesis untuk pemeriksaan adalah seperti berikut:
 - 7.5.1 Pelajar yang telah mengemukakan tesis mereka untuk pemeriksaan tetapi belum menduduki Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) masih perlu

mendaftar bagi mengaktifkan semester semasa.

- 7.5.2 Tiada bayaran yuran pengajian dikenakan kepada pelajar jika mereka menyerahkan tesis untuk pemeriksaan dalam tempoh **ENAM (6)** minggu dari tarikh pendaftaran semester semasa bermula.
- 7.6 Pendaftaran semester bagi pelajar mengulang Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) seperti berikut:
 - 7.6.1 Pelajar masih perlu mendaftar bagi mengaktifkan semester semasa.
 - 7.6.2 Pelajar hanya perlu membayar yuran peperiksaan sahaja.

8.0 KURSUS METODOLOGI PENYELIDIKAN

- 8.1 Semua pelajar siswazah mod penyelidikan **WAJIB** menghadiri dan **LULUS** Kursus Metodologi Penyelidikan yang dianjurkan oleh PPS pada tahun **PERTAMA** pengajian.
- 8.2 Kursus ini akan dijalankan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
- 8.3 Pelajar yang telah mengikuti Kursus Metodologi Penyelidikan di institusi lain yang setara perlu mendapat kelulusan pengecualian daripada Dekan PPS tertakluk kepada syarat berikut:
 - 8.3.1 Pelajar perlu menghantar surat permohonan pengecualian dan melampirkan sijil atau dokumen yang berkaitan sebagai bukti.
 - 8.3.2 Pengecualian hanya diberikan sekiranya pelajar telah menghadiri kursus metodologi penyelidikan dalam tempoh **LIMA (5)** tahun sebelum pendaftaran pengajian.
- 8.4 Pelajar yang tidak lulus Kursus Metodologi Penyelidikan **TIDAK DIBENARKAN** untuk membuat permohonan Notis Penyerahan Tesis.

9.0 PERTUKARAN PERINGKAT PENGAJIAN DARI SARJANA KE DOKTOR FALSAFAH

- 9.1 Pelajar program sarjana boleh memohon pertukaran ke program doktor falsafah tertakluk kepada syarat berikut:
 - 9.1.1 Berada dalam tahun **PERTAMA** pengajian untuk calon sepenuh masa **ATAU** tahun **KEDUA** pengajian untuk calon separuh masa.
 - 9.1.2 Mempunyai minimum **PNGK 3.30/4.00** pada peringkat ijazah sarjana muda atau setaraf.
 - 9.1.3 Menerbitkan sekurang-kurangnya **SATU (1)** artikel yang berkaitan dengan bidang penyelidikan dalam jurnal berindeks WoS/Scopus.
 - 9.1.4 Mencapai kompetensi dan kemampuan dalam mengendalikan penyelidikan di peringkat doktor falsafah melalui penilaian yang

terperinci oleh universiti.

- 9.2 Pelajar program sarjana yang berkelayakan perlu:
 - 9.2.1 Membuat permohonan pertukaran peringkat pengajian kepada Pusat Pengajian Siswazah melalui fakulti/institut.
 - 9.2.2 Mengemukakan kertas cadangan penyelidikan lanjutan yang memenuhi skop kajian peringkat doktor falsafah dan disokong oleh Penyelia Utama.
 - 9.2.3 Membentangkan kertas cadangan penyelidikan kepada Jawatankuasa Penilaian di fakulti/ institut.
- 9.3 Jawatankuasa Penilaian perlu terdiri daripada sekurang-kurangnya **TIGA (3)** orang anggota iaitu:
 - 9.3.1 Dekan fakulti/Pengarah institut/wakil yang setara sebagai Pengerusi.
 - 9.3.2 **DUA (2)** orang pakar dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dalam kalangan staf UniSZA atau dari institusi lain.
- 9.4 Laporan daripada Jawatankuasa Penilaian yang disediakan oleh Pengerusi mesti diterima oleh PPS dalam tempoh **SATU (1)** bulan selepas pembentangan.
- 9.5 Permohonan pertukaran dari program sarjana ke doktor falsafah perlu mendapat kelulusan Senat.

10.0 PELANTIKAN/PENGGUGURAN PENYELIA BERSAMA

- 10.1 Mengisi borang Pelantikan/Pengguguran Penyelia Bersama.
- 10.2 Mendapat perakuan daripada Penyelia Utama dan fakulti/institut.
- 10.3 Melampirkan *curriculum vitae* terkini bagi pelantikan calon Penyelia Bersama daripada institusi luar UniSZA.

11.0 PERMOHONAN PERTUKARAN FAKULTI/INSTITUT, MOD PENGAJIAN, BIDANG PENGAJIAN/NEC, KAEDAH PENGENDALIAN, PENYELIA UTAMA DAN PENYELIA BERSAMA

- 11.1 Syarat bagi melayakkan pelajar untuk membuat sebarang permohonan pertukaran adalah seperti berikut:
 - 11.1.1 Pelajar perlu berstatus **Pelajar Aktif (PA)**.
 - 11.1.2 Mengisi permohonan pertukaran yang berkaitan.
 - 11.1.3 Mendapat perakuan Penyelia Utama dan fakulti/institut.

- 11.2 Bagi permohonan **pertukaran fakulti/institut** pelajar perlu mendapatkan:
- 11.2.1 Perakuan Penyelia Utama dan fakulti/institut asal.
 - 11.2.2 Perakuan fakulti/institut baharu.
- 11.3 Bagi permohonan **pertukaran mod pengajian** dari mod penyelidikan ke mod campuran/kerja kursus atau sebaliknya:
- 11.3.1 Permohonan perlu dilakukan dalam tempoh **EMPAT (4)** minggu dari permulaan semester semasa.
 - 11.3.2 Pelajar perlu mendapatkan perakuan fakulti/institut baharu sekiranya berkaitan.
 - 11.3.3 Pertukaran mod pengajian hanya dibenarkan **SATU (1) kali** sahaja sepanjang pengajian.
- 11.4 Bagi permohonan **pertukaran bidang pengajian/NEC**:
- 11.4.1 Pelajar perlu mendapatkan perakuan fakulti/institut baharu sekiranya berkaitan.
 - 11.4.2 Pertukaran bidang pengajian/NEC hanya dibenarkan **SATU (1) kali** sahaja sepanjang pengajian.
- 11.5 Bagi permohonan **pertukaran kaedah pengendalian** sepenuh masa ke separuh masa atau sebaliknya:
- 11.5.1 Pertukaran kaedah pengendalian hanya dibenarkan **SATU (1) kali** sahaja sepanjang pengajian.
 - 11.5.2 Permohonan adalah tertakluk kepada syarat tempoh maksimum pengajian.
 - 11.5.3 Pelajar yang telah diluluskan pelanjutan tempoh pengajian **TIDAK** dibenarkan membuat pertukaran kaedah pengendalian.
 - 11.5.4 Pelajar antarabangsa **TIDAK** boleh membuat pertukaran kaedah pengendalian kerana mereka hanya dibenarkan pengajian sepenuh masa sahaja.
- 11.6 Bagi permohonan **pertukaran Penyelia Utama** pelajar perlu mendapatkan:
- 11.6.1 Perakuan Penyelia Utama asal.
 - 11.6.2 Perakuan Penyelia Utama baharu.
 - 11.6.3 Perakuan fakulti/institut asal.
 - 11.6.4 Perakuan fakulti/institut baharu sekiranya berkaitan.

- 11.7 Bagi permohonan **pertukaran Penyelia Bersama**, pelajar perlu mendapatkan:
- 11.7.1 Perakuan Penyelia Utama.
 - 11.7.2 Perakuan Penyelia Bersama baharu.
 - 11.7.3 Perakuan fakulti/institut asal.
 - 11.7.4 Perakuan fakulti/institut baharu sekiranya berkaitan.

12.0 PENANGGUHAN/PENARIKAN DIRI DARI PENGAJIAN

- 12.1 Pelajar yang membuat permohonan penangguhan/penarikan diri dari pengajian dalam tempoh **ENAM (6)** minggu setelah semester bermula akan dikembalikan semula semua yuran yang dibayar pada semester tersebut kecuali yuran pendaftaran dan Kursus Metodologi Penyelidikan.
- 12.2 Bagi sebarang permohonan penangguhan/penarikan diri dari pengajian, pelajar perlu:
- 12.2.1 Mengisi permohonan penangguhan/penarikan diri
 - 12.2.2 Mendapat perakuan Penyelia Utama dan fakulti/institut.
- 12.3 Bagi **permohonan penangguhan** pengajian:
- 12.3.1 Permohonan penangguhan semester semasa boleh dilakukan **selewatnya-lewatnya ENAM (6)** minggu dari tarikh pendaftaran semester baharu dengan alasan yang munasabah.
 - 12.3.2 Permohonan penangguhan yang dihantar **selepas ENAM (6)** minggu dari tarikh pendaftaran semester baharu, atas sebab kesihatan atau alasan lain yang munasabah boleh dipertimbangkan dan tertakluk kepada kelulusan Dekan PPS.
 - 12.3.3 Permohonan penangguhan **melebihi ENAM (6)** minggu dari tarikh pendaftaran semester tidak layak untuk dikembalikan semula yuran pengajian.
 - 12.3.4 Pelajar yang memohon penangguhan pengajian atas sebab kesihatan hendaklah melampirkan dokumen pengesahan perubatan daripada hospital atau klinik kerajaan.
 - 12.3.5 Permohonan untuk menangguhkan pengajian hanya dibenarkan **maksimum DUA (2)** semester sahaja.
 - 12.3.6 Kelulusan penangguhan pengajian **melebihi DUA (2)** semester adalah tertakluk kepada kelulusan Dekan PPS.
 - 12.3.7 Semasa dalam tempoh penangguhan, pelajar dikategorikan sebagai **TANGGUH PENGAJIAN (TP)** sehingga pelajar mendaftar semula semester pengajiannya.

- 12.3.8 Pelajar yang menangguhkan pengajian tidak dibenarkan menjalankan segala urusan berkaitan akademik dan menggunakan kemudahan makmal/studio di UniSZA.
- 12.4 Bagi permohonan **penarikan diri dari pengajian**,
- 12.4.1 Pelajar perlu mendapatkan pengesahan pelepasan status hutang.
- 12.4.2 Visa pelajar antarabangsa yang diluluskan penarikan diri akan ditamatkan.

13.0 PELANJUTAN TEMPOH PENGAJIAN

- 13.1 Pelajar boleh memohon pelanjutan untuk **SATU (1)** semester sahaja bagi setiap permohonan.
- 13.2 Permohonan perlu mendapat perakuan daripada Penyelia Utama dan fakulti/institut.
- 13.3 Permohonan ini terhad kepada **DUA (2)** kali pelanjutan sepanjang tempoh pengajian.
- 13.4 Permohonan pelanjutan tempoh pengajian **melebihi DUA (2)** kali tertakluk kepada kelulusan Dekan PPS dengan alasan yang munasabah.
- 13.5 Permohonan perlu dibuat **sekurang-kurangnya DUA (2)** bulan sebelum tamat tempoh maksimum pengajian.

14.0 LAPORAN KEMAJUAN PENYELIDIKAN

- 14.1 Laporan Kemajuan Penyelidikan (LKP) perlu diisi oleh pelajar setiap semester melalui portal pelajar **SEBELUM** bermula sesi pendaftaran semester baharu.
- 14.2 LKP tersebut akan dinilai oleh Penyelia Utama melalui e-Laporan Kemajuan Penyelidikan. Pelajar akan diberikan keputusan **MEMUASKAN (M)** atau **TIDAK MEMUASKAN (TM)** berdasarkan penilaian oleh Penyelia Utama.
- 14.3 Pelajar atau Penyelia yang mempunyai masalah pengisian LKP secara dalam talian boleh menghantar borang LKP kepada PPS secara manual.
- 14.4 Pelajar akan ditamatkan pengajian sekiranya mendapat keputusan **TIDAK MEMUASKAN (TM)** selama **DUA (2)** semester berturut-turut.
- 14.5 Pelajar boleh mencetak salinan LKP melalui portal pelajar.
- 14.6 Kegagalan mengisi LKP akan menyebabkan pelajar **TIDAK** boleh membuat pendaftaran semester berikutnya.

15.0 NOTIS PENYERAHAN TESIS

15.1 Pelajar yang ingin membuat permohonan Notis Penyerahan Tesis (NoS) perlu memenuhi syarat berikut:

15.1.1 Mencapai tempoh minimum pengajian dari tarikh pendaftaran hingga tarikh penyerahan borang Notis Penyerahan Tesis:

Peringkat Pengajian	Sepenuh Masa	Separuh Masa
Sarjana	2 semester (1 tahun)	4 semester (2 tahun)
Doktor Falsafah	4 semester (2 tahun)	6 semester (3 tahun)

15.1.2 Menghadiri dan lulus Kursus Metodologi Penyelidikan berdasarkan **Perkara 8.0**.

15.1.3 Mendapat keputusan **LULUS** pembentangan kertas cadangan penyelidikan dan penemuan kajian di peringkat fakulti/institut.

15.1.4 Menerbitkan artikel atau artikel telah diterima untuk diterbitkan sepanjang tempoh pengajian yang berkaitan dengan tesis seperti berikut:

Sesi Kemasukan	Penerbitan
Semester II Sesi 2015/2016 (Februari 2016)	DUA (2) artikel dalam jurnal berwasit untuk doktor falsafah dan SATU (1) artikel dalam jurnal berwasit untuk sarjana.
Semester I Sesi 2019/2020 (September 2019)	DUA (2) artikel berindeks untuk doktor falsafah dan SATU (1) artikel berindeks untuk sarjana. Pelajar mestilah sebagai Pengarang Utama atau Corresponding Author .
Semester I Sesi 2020/2021 (September 2020)	Pelajar mestilah sebagai Pengarang Utama atau Corresponding Author Peringkat doktor falsafah: DUA (2) artikel berindeks Scopus/ISI atau SATU (1) artikel berindeks Scopus/ISI dan DUA (2) artikel lain-lain indeks Peringkat sarjana: SATU (1) artikel berindeks Scopus/ISI atau DUA (2) artikel lain-lain indeks

15.2 Kelulusan NoS oleh JAPSU hanya sah untuk tempoh **TIGA (3)** bulan dan pelajar perlu menyerah tesis untuk pemeriksaan dalam tempoh tersebut.

15.3 Pelajar yang memerlukan pelanjutan masa untuk penyerahan tesis perlu menulis surat rayuan kepada Dekan PPS **sekurang-kurangnya 14** hari sebelum tarikh akhir penyerahan tamat. Rayuan pelanjutan tempoh hanya dibenarkan **SATU (1)** kali sahaja.

- 15.4 PPS akan memaklumkan keputusan permohonan pelanjutan kepada pelajar secara bertulis. Tempoh pelanjutan yang diluluskan adalah selama **SATU (1)** bulan sahaja bermula dari tarikh akhir penghantaran tesis **KECUALI** dengan alasan yang munasabah dan disertakan dokumen bukti.
- 15.5 Pelajar yang gagal menghantar tesis mengikut tempoh masa yang ditetapkan perlu membuat semula permohonan NoS.

16.0 PENYERAHAN TESIS UNTUK PEMERIKSAAN

- 16.1 Pelajar dibenarkan untuk membuat penyerahan tesis untuk pemeriksaan seperti berikut:
 - 16.1.1 Mengisi borang penyerahan tesis.
 - 16.1.2 Mengisi borang pengesahan penapisan plagiarisme dan dilampirkan **SATU (1)** salinan Laporan Semakan Plagiarisme yang telah diperakuan oleh Penyelia Utama.
 - 16.1.3 Menghantar **TIGA (3)** salinan tesis berkulit lembut.
 - 16.1.4 Menghantar **SATU (1)** unit *CD-ROM/USB Flash Drive* mengandungi tesis dalam format PDF dan Word.
- 16.2 Laporan semakan plagiarisme mesti **kurang daripada 25%** menggunakan perisian penapisan plagiarisme yang digunakan oleh PPS.

17.0 PEMERIKSAAN TESIS

- 17.1 Tesis akan diperiksa oleh Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar seperti ditetapkan program standard masing-masing.
- 17.2 Setelah pembentangan oleh pelajar semasa peperiksaan lisan (*viva voce*), Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis akan memaklumkan salah satu keputusan berikut kepada pelajar:
 - 17.2.1 Lulus tanpa pembetulan (**tidak melebihi SATU (1)** bulan untuk penghantaran tesis); atau
 - 17.2.2 Lulus dengan pembetulan kecil (**tidak melebihi TIGA (3)** bulan untuk membuat pembetulan); atau
 - 17.2.3 Lulus dengan pembetulan sederhana (**tidak melebihi ENAM (6)** bulan untuk membuat pembetulan); atau
 - 17.2.4 Lulus dengan pembetulan besar (**tidak melebihi SEMBILAN (9)** bulan untuk membuat pembetulan); atau
 - 17.2.5 Ulang peperiksaan lisan (*Re-viva*) (**minimum ENAM (6)** bulan dan **maksimum DUA BELAS (12)** bulan untuk dihantar semula); atau
 - 17.2.6 Gagal Peperiksaan Lisan.

- 17.3 Kegagalan menghadiri peperiksaan lisan tanpa pemakluman awal dan alasan kukuh kepada PPS akan menyebabkan pelajar digagalkan.
- 17.4 PPS akan memaklumkan secara bertulis keputusan peperiksaan lisan berdasarkan laporan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemeriksaan Tesis kepada pelajar dan penyelia.
- 17.5 Untuk proses penghantaran pembetulan tesis, pelajar perlu menghantar dokumen berikut:
 - 17.5.1 Borang pembetulan tesis yang telah disahkan oleh Penyelia Utama.
 - 17.5.2 Borang pengesahan pembetulan tesis yang telah disahkan oleh Pemeriksa Dalam dan/atau Pemeriksa Luar seperti yang ditetapkan dalam Laporan Pengerusi.
 - 17.5.3 Tesis dalam format PDF yang telah dibaiki berdasarkan Laporan Pengerusi dan Laporan Pemeriksa.
- 17.6 Pelajar yang memerlukan lanjutan masa untuk pembetulan atau penyerahan semula, perlu menulis surat rayuan kepada Dekan PPS **sekurang-kurangnya EMPAT BELAS (14)** hari sebelum tarikh akhir penyerahan tamat.
- 17.7 PPS akan memaklumkan keputusan permohonan pelanjutan kepada pelajar secara bertulis. Tempoh pelanjutan yang diluluskan adalah selama **SATU (1)** bulan sahaja bermula dari tarikh akhir penghantaran pembetulan tesis **KECUALI** dengan alasan yang munasabah dan disertakan dokumen bukti.
- 17.8 Kelulusan permohonan pelanjutan tambahan adalah tertakluk kepada kelulusan Dekan PPS.

18.0 PENANGGUHAN PEPERIKSAAN LISAN

Pelajar yang mempunyai masalah kesihatan atau kecemasan sebelum/semasa Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) boleh memohon penangguhan secara bertulis kepada Dekan PPS.

19.0 RAYUAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN LISAN

- 19.1 Pelajar yang gagal peperiksaan lisan boleh membuat permohonan rayuan.
- 19.2 Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan PPS dalam tempoh **30 hari** selepas tarikh peperiksaan lisan.
- 19.3 Rayuan pelajar akan dibawa kepada Jawatankuasa Rayuan.
- 19.4 Keputusan rayuan adalah muktamad.

20.0 PEPERIKSAAN LISAN ULANGAN

- 20.1 Pelajar dibenarkan menyerah tesis untuk peperiksaan ulangan selepas membuat pembetulan tesis seperti yang dikehendaki dalam Laporan Pengerusi, Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar.
- 20.2 Pelajar perlu menghantar tesis dalam tempoh yang ditetapkan iaitu **minimum ENAM (6) bulan** dan **maksimum 12 bulan**.
- 20.3 Pelajar perlu menyerahkan semula item/dokumen seperti yang dinyatakan pada **Perkara 16.1**.
- 20.4 Pelajar perlu membuat pembayaran yuran peperiksaan untuk tujuan peperiksaan lisan ulangan.
- 20.5 Pelajar yang telah menghantar tesis pemeriksaan tidak perlu membuat pembayaran yuran pengajian semester tersebut, pelajar hanya perlu mendaftar semester bagi memastikan status pelajar adalah aktif.
- 20.6 Pelajar perlu menghadiri peperiksaan lisan ulangan seperti yang ditetapkan.
- 20.7 Keputusan peperiksaan ulangan adalah muktamad dan tiada peperiksaan ulangan kali kedua dibenarkan.

21.0 PENYERAHAN TESIS AKHIR

- 21.1 Penyerahan tesis akhir boleh dihantar ke PPS setelah pelajar mendapat kelulusan Senat.
- 21.2 Pelajar hendaklah menyerahkan **DUA (2)** salinan tesis berkulit keras kepada PPS bersama dengan:
 - 21.2.1 **DUA (2)** unit *CD-ROM/ USB Flash Drive* yang mengandungi salinan digital tesis dalam format PDF.
 - 21.2.2 Borang pengesahan status tesis.
 - 21.2.3 Borang pengesahan tesis berkulit keras.
 - 21.2.4 Borang penyerahan tesis akhir.
 - 21.2.5 Borang maklumat transkrip akademik.
 - 21.2.6 Borang permohonan transkrip akademik/surat pengesahan tamat pengajian.

22.0 PENGIJAZAHAN

- 22.1 Pelajar perlu membuktikan bahawa artikel yang diterima untuk diterbitkan pada **Perkara 15.1.4** telah berjaya diterbitkan.
- 22.2 Pelajar akan layak untuk pengijazahan setelah memenuhi syarat berikut:

- 22.2.1 Menyelesaikan semua yuran dan caj lain yang dikenakan (jika ada); dan
- 22.2.2 Pengesahan pengijazahan yang telah diluluskan oleh Senat.
- 22.3 Ijazah yang dianugerahkan boleh ditarik balik sekiranya pelajar didapati melanggar Artikel 61 Perlembagaan UniSZA yang boleh dirujuk di laman sesawang Pejabat Pendaftar, UniSZA.

23.0 GRADUATE ON TIME

- 23.1 Tempoh *Graduate on Time* (GoT) bagi pengajian **sepenuh masa** adalah seperti berikut:

Kategori	Sarjana	Doktor Falsafah
Sains Sosial	2 Tahun	3 Tahun
Sains/ Perubatan (Bukan Klinikal)	2 Tahun 6 Bulan	4 Tahun 6 bulan
Perubatan (Klinikal)	3 Tahun	5 Tahun

- 23.2 Pengiraan tempoh GoT dikira dari tarikh pendaftaran semester pertama hingga tarikh kelulusan Senat untuk layak pengijazahan.

24.0 PENAMATAN PENGAJIAN

- 24.1 Pihak Universiti boleh menamatkan pengajian pelajar pada bila-bila masa apabila pelajar:
 - 24.1.1 Melanggar mana-mana peraturan Universiti;
 - 24.1.2 Memberikan maklumat palsu semasa pendaftaran atau sepanjang tempoh pengajian;
 - 24.1.3 Melakukan salah laku akademik dan tatatertib;
 - 24.1.4 Melebihi semester maksimum yang ditetapkan;
 - 24.1.5 Gagal menjelaskan yuran pengajian atau pembayaran lain dalam masa yang ditetapkan;
 - 24.1.6 Melakukan tindakan lain yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang Universiti;
 - 24.1.7 Memperoleh keputusan yang **Tidak Memuaskan (TM)** dalam Laporan Kemajuan Penyelidikan selama **DUA (2)** semester berturut-turut.
 - 24.1.8 Gagal mendaftar pengajian bagi **DUA (2)** semester berturut-turut.
- 24.2 Pelajar yang ditamatkan pengajian boleh mengemukakan rayuan dengan mengisi Borang Rayuan Meneruskan Pengajian dalam tempoh **30** hari daripada tarikh penamatan pengajian.
- 24.3 Kod status penamatan pengajian berdasarkan Kod Data Umum, Sistem Pengumpulan Data Kementerian Pendidikan Tinggi seperti berikut:

KOD	KETERANGAN
14	MENINGGAL DUNIA
51	BERHENTI – MASALAH KEWANGAN
52	BERHENTI – TUKAR PROGRAM
53	BERHENTI – TUKAR INSTITUSI
54	BERHENTI – TUKAR PROGRAM DAN INSTITUSI
55	BERHENTI – MASALAH KESIHATAN
56	BERHENTI – SEBAB PERIBADI
61	DIBERHENTIKAN – GAGAL PEPERIKSAAN
62	DIBERHENTIKAN – MASALAH DISIPLIN/TATATERTIB (JENAYAH)
63	DIBERHENTIKAN – MASALAH DISIPLIN/TATATERTIB (BUKAN JENAYAH)
64	DIBERHENTIKAN – TIDAK MEMBAYAR YURAN PENGAJIAN
65	DIBERHENTIKAN – MASALAH KESIHATAN
66	DIBERHENTIKAN – GAGAL MENDAFTAR

25.0 RAYUAN MENERUSKAN PENGAJIAN

- 25.1 Permohonan rayuan meneruskan pengajian hendaklah dilakukan dalam tempoh **DUA (2) bulan** selepas pelajar diberhentikan dari pengajian.
- 25.2 Keputusan rayuan meneruskan pengajian adalah muktamad.

26.0 PUNCA KUASA

- 26.1 Peraturan akademik ini perlu dibaca bersama arahan dan standard yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysia dari semasa ke semasa.
- 26.2 Perkara khusus/khas terkini yang diluluskan Senat adalah terpakai secara automatik serta mengatasi perkara berkaitan yang tercatat dalam peraturan ini.
- 26.3 Peraturan ini berkuatkuasa bagi pelajar kemasukan Semester II Sesi 2022/2023.
- 26.4 Pelajar sedia ada yang lain adalah tertakluk kepada peraturan akademik yang berkuatkuasa mengikut sesi kemasukan masing-masing.

+++++

GRADUATE ACADEMIC RULES

RESEARCH MODE

Approval of the 188th Senate Meeting No.3/2023 dated March 6, 2023

**Approval of the 190th Senate Meeting No. 5/2023 dated April 30, 2023
(Amendment)**

CONTENTS

PHILOSOPHY, VISION, MISSION, THRUST FIELD, CORE VALUES & MOTTO UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN	i
ABBREVIATIONS	ii
1.0 INTRODUCTION	1
2.0 GENERAL ENTRY REQUIREMENTS	1
3.0 DIRECT ADMISSION TO THE DOCTOR OF PHILOSOPHY PROGRAMME FOR APPLICANTS WITH BACHELOR'S DEGREE ACADEMIC QUALIFICATIONS	3
4.0 STUDY DURATION	4
5.0 ACADEMIC RESIDENTIAL REQUIREMENT	4
6.0 ADMISSION OFFER	4
7.0 REGISTRATION	5
8.0 RESEARCH METHODOLOGY COURSE	6
9.0 CONVERSION OF STUDY LEVEL FROM MASTER TO DOCTOR OF PHILOSOPHY	6
10.0 APPOINTMENT/TERMINATION OF CO-SUPERVISORS	7
11.0 APPLICATION FOR CHANGE OF FACULTY/INSTITUTE, MODE OF STUDY, FIELD OF STUDY/ NEC, METHOD OF STUDY, MAIN SUPERVISOR AND CO-SUPERVISOR	7
12.0 DEFERMENT/WITHDRAWAL FROM STUDIES	8
13.0 EXTENSION OF STUDY PERIOD	9
14.0 RESEARCH PROGRESS REPORT	10
15.0 NOTICE OF THESIS SUBMISSION	10
16.0 THESIS SUBMISSION FOR EXAMINATION	11
17.0 THESIS EXAMINATION	12
18.0 DEFERMENT OF ORAL EXAMINATION	13
19.0 APPEAL OF ORAL EXAMINATION RESULT	13
20.0 ORAL RE-EXAMINATION	13
21.0 SUBMISSION OF FINAL THESIS	14
22.0 GRADUATION	14
23.0 GRADUATE ON TIME	14
24.0 TERMINATION OF STUDY	15
25.0 APPEAL FOR CONTINUING STUDIES	15
26.0 SOURCE OF AUTHORITY	16

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

PHILOSOPHY

Integration of Islamic and Contemporary Excellence for the Benefit of the Ummah

VISION

Become a Leader for Contemporary Integration Islamic Universities

MISSION

